

Kuala Lumpur

Ketika harapan ingin menyaksikan bariisan atlet 4x100 meter lelaki negara mencipta kejayaan di Kejohanan Olahraga Terbuka Thailand, kuartet wanita negara pula mencuri tumpuan.

Percaturan menurunkan Shereen Samson Vallabouy selaku pelari pertama diikuti Siti Fatimah Mohamad, S Komalam Shally dan Zaidatul Husniah Zulkifli membuatkan hasil apabila merangkul emas dan paling manis memadamkan rekod lama di Terbuka Singapura, April lalu.

Malaysia merekodkan 45.19 saat untuk meleburkan rekod lama 45.32s yang dilakukan mereka di Terbuka Singapura, April lalu. Perak dimenangi kuartet Thailand (45.29s) dan gangsa milik Singapura (45.65s).

Jurulatih pecut wanita negara, M Balamurugan (**gambar**) berkata, beliau terpaksa menukar percaturan apabila tidak mengekalkan kuartet sama ketika di Terbuka Singapura yang Siti Fatimah, Zaidatul Husniah, Nurul Faizah Asma Mazlan dan Komalam.

“Saya membuat sedikit



ZAI DATUL (dari kiri), Komalam, Siti Fatimah, Shereen puas dengan pingat emas masing-masing.

PERCaturan MENJADI

■ *Strategi Balamurugan berjaya cipta rekod kebangsaan*

HARIAN METRO 16/6/2017 P - 83



pertukaran dengan menggantikan teman bagi mengantikan teman bagi menggantikan tempat Faizah kerana masa dilakukan Shereen tahun ini lebih bagus.

“Saya gembira kerana percaturan membuatkan hasil apabila berjaya memecahkan rekod kebangsaan. Tah-

nah buat mereka,” katanya.

Malah Balamurugan meluahkan keyakinan barisan atlet negara itu akan dapat memperbaiki prestasi masing-masing menjelang Sukan SEA 2017

4X100M WANITA

REKOD

KEBANGSAAN

Rekod baru	45.19s
------------	--------

Rekod lama	45.32s
------------	--------

SUKAN SEA 2015

Emas	44.27s
------	--------

Perak	44.77s
-------	--------

Gangsa	45.41s
--------	--------

Kuala Lumpur, Ogos ini.

Sementara itu nasib berbeza dialami kuartet lelaki apabila menamatkan saingan di tempat ketiga di belakang Thailand dan Hong Kong.

Kuartet yang diberisi Jonathan Nyepa, Badrul Hisyam Abdul Manap, Mohamad Aqil Yasmin dan Khairul Hafiz Jantan mencatatkan 40.02s manakala Thailand, (39.45s) dan Hong Kong (39.84s).

Bagaimanapun peluang masih terbuka buat barisan pelari negara yang mempunyai baki pertandingan iaitu Kejohanan Trek dan Padang Asia di India dan Terbuka Malaysia sebelum Sukan SEA bermula.